

Tunjuk perasaan: Siswa2 terlibat dibenar merayu

BUANA LUMPUR,
Khamis. — Kira-

kira seribu orang mahasiswa yang terlibat dalam tunjuk perasaan haram pelajar diberi peluang membuat rayuan supaya biasiswa mereka dikekalkan.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad, menjelaskan biasiswa mereka belum lagi ditarik balik seperti yang dilaporkan oleh setuah akhbar baru-baru ini.

Kerajaan masih lagi mengkaji masalah tersebut kerana pelajar-pelajar yang jujur mahu meneruskan pelajaran harus diberi peluang mengekalkan biasiswa mereka.

Menurutnya semua pemegang biasiswa yang ditangkap kerana menunjukkan perasaan akan menerima surat dari pihak pemberi biasiswa.

Penjelasan

Surat itu meminta mereka memberi penjelasan menasabah mengapa biasiswa mereka tidak harus ditarik balik dan bagaimana mereka boleh terlibat dalam tunjuk perasaan, perbuatan yang melanggar salah satu syarat biasiswa.

Bellau yakin bilangan mereka yang akan ditarik balik biasiswanya kecil sahaja kalau sebab-sebab yang diberikan wajar dan mereka benar-benar membuktikan mereka mahu meneruskan pelajaran.

Setiap pelajar, katanya, akan diberi pertimbangan mengikut sebab-sebab yang mereka berikan.

Dr. Mahathir berkata, Kerajaan tetap bersikap adil dan tidak terburu-buru membuat keputusan.

Mengingatkan

Bagaimanapun, Kerajaan bertanggungjawab memastikan wang rakyat tidak disalahgunakan dan dibazirkan oleh mereka yang sebenar tidak berminat belajar.

Bellau mengingatkan berapa banyak wang rakyat telah rugi menampung belanja makan dan tempat tidur pelajar-pelajar yang menunjuk perasaan dahulu.

Katanya, walaupun mereka memperjuangkan nasib orang yang kononnya tidak makan, mereka sendiri terus makan sedap-sedap dan percuma pula atas belanja rakyat.

Dr. Mahathir bercakap kepada para pemberita selepas menerima kunjungan rombongan lima orang senator dari Suruhanjaya Halehwal Kebudayaan Perancis di pejabatnya pagi tadi.